

**PELAWAAN KEMUDAHAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN SEPARA BIASISWA SESI 2017/2018 UNTUK PEGAWAI PENGURUSAN DAN PROFESIONAL BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN DI PERINGKAT DIPLOMA LEPASAN IJAZAH, SARJANA DAN Ph.D SECARA SEPARUH MASA**

Shanthy A/P Balakrishnan

Sent: Sunday, 15 October, 2017 4:33:45 PM

To: Nistha A/P Akun; Mohd Adli Shah Jamaludin; Salma Fawzia Mohd Fadzil; Tengku Munira Tengku Izhar; Maheran Binti Ali; Nor Azam Binti Baharom; Abd Aziz Bin Ahmad; Wan Mahani Mahmood; Kamarul Bahrin Rahim; Jawahir Noordin; Mohd Puzi Yaacob

Cc: Saidi Bin Shaari; hasmin@jpnkedah.net; Harison Man

Salam Sejahtera,

Tuan,

**PELAWAAN KEMUDAHAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN SEPARA BIASISWA SESI 2017/2018 UNTUK PEGAWAI PENGURUSAN DAN PROFESIONAL BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN DI PERINGKAT DIPLOMA LEPASAN IJAZAH, SARJANA DAN Ph.D SECARA SEPARUH MASA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KPM telah menerima pelawaan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mengemukakan pencalonan dari kalangan **Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Perkhidmatan Bukan Guru (PBG)** memohon kemudahan penajaan **Hadiah Latihan Persekutuan Separa Biasiswa (HLPSB) Sesi 2017/2018 bagi mengikuti pengajian di peringkat Diploma Lulusan Ijazah, Sarjana dan Ph.D secara separuh masa**. Pelawaan ini **tidak meliputi/tidak layak bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Guru)** memohon kerana telah mempunyai peruntukan/badan penaja yang mengendalikan kursus Pasca Ijazah di Bahagian Tajaan Pendidikan, KPM.

3. **Pegawai Perkhidmatan Bukan Guru (PBG) (Pegawai Perkhidmatan Gunasama dan Pegawai Perkhidmatan Bukan Gunasama)** yang berminat boleh melayari portal JPA di [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my) atau <http://esilav2.jpa.gov.my> untuk mengetahui syarat-syarat dan tatacara permohonan. Permohonan secara dalam talian dibuka mulai 9 Oktober 2017 sehingga 3 November 2017 tertakluk kepada kebenaran dan kelulusan Ketua Jabatan masing-masing serta memenuhi semua syarat/dasar permohonan yang ditetapkan oleh JPA. **Semua data yang dikemukakan** oleh pemohon perlu disemak dan dipastikan tepat oleh Ketua Jabatan. Para pemohon perlu diingatkan bahawa adalah menjadi kesalahan jika maklumat yang tidak tepat dikemukakan kepada Ketua Jabatan/BPSM dan boleh diambil tindakan mengikut peruntukan peraturan/undang-undang sedia ada. Bersama-sama ini disertakan sesalinan surat pelawaan JPA(I) S.179/17/2-7 Klt. 4 (10) bertarikh 5 Oktober 2017 seperti di lampiran.

4. Borang permohonan HLPSB yang telah lengkap diisi hendaklah **dimuat turun dan dicetak** sebanyak **dua (2) salinan** dengan disertakan dokumen-dokumen berikut:

- i. Borang JPA(L)LDP 1A/96 – (Lampiran B) akan **disediakan oleh BPSM, KPM**;
- ii. Borang Perakuan Ketua Jabatan – Lampiran C;
- iii. Borang Maklumat Ringkas Pengajian (yang dilengkapkan oleh pihak institusi pengajian) – Lampiran D;
- iv. Salinan Kad Pengenalan;
- v. Salinan surat tawaran kemasukan ke institusi;
- vi. Salinan slip pendaftaran/surat pengesahan pendaftaran kemasukan ke institusi;
- vii. Salinan Ijazah Pertama atau kelulusan yang setaraf dengannya (skrol dan transkrip);
- viii. Salinan Ijazah Sarjana atau kelulusan yang setaraf dengannya (skrol dan transkrip, sekiranya ada);
- ix. Salinan senarai tugas; dan
- x. Salinan kelulusan melanjutkan pengajian secara separuh masa daripada Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

5. Permohonan yang lengkap perlu dikemukakan ke Unit Latihan dan Kemajuan Staf sebelum **31 Oktober 2017**.

Kerjasama dan perhatian tuan/puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG"**

Saya yang menurut perintah,

---

Shanthi A/P Balakrishnan  
Penolong Pengarah Kanan  
Unit Latihan dan Kemajuan Staf  
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah  
Kompleks Pendidikan, Jalan Stadium  
05604, Alor Setar  
Kedah Darul Aman  
No.Tel : 04-7404022  
No.Fax : 04-7404348